

23 JUL 1999

Nik Aziz-Kelantan

KERAJAAN PUSAT TIDAK PERLU RAMPAS KELANTAN

KOTA BAHARU, 23 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata kerajaan pusat tidak perlu merampas Kelantan daripada tampuk pemerintahan Pas kerana ia sudah mempunyai Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP).

Beliau berkata, kerajaan pusat juga sudah mempunyai dua orang menteri daripada anak Kelantan iaitu Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa dan Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed.

"Apa lagi yang susah, kalau Umno ambil balik pun sama sahaja", katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam akhbar hari ini yang antara lain berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) mesti merampas balik pemerintahan daripada Pas.

Dr Mahathir berkata, ini disebabkan rakyat Kelantan sudah lama hidup menderita kerana ditadbirkan oleh kerajaan (Pas) yang tidak cekap.

Sehubungan itu, Nik Aziz berkata, melalui JPP kerajaan pusat boleh menyalurkan peruntukan sebanyak mana yang mahu untuk pembangunan Kelantan.

Menurutnya, kalau Umno yang mentadbir kerajaan pusat ingin merampas Kelantan, Pas juga berhasrat merampas Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran negara pada pilihan raya umum kelak.

Mengenai saranan Umno bahawa ulama sesuai tinggal di pondok-pondok untuk mengajar agama, Nik Aziz berkata, saranan itu ciptaan Inggeris yang menjajah negara ini bukan saranan Nabi Muhammad S.A.W.

Menurut beliau, tiada orang sesuai memimpin manusia di dunia ini melainkan ulama kerana ulama belajar ilmu Tauhid yang membicarakan pengenalan diri.

"Di samping itu, ulama juga belajar ilmu fekah yang meliputi bidang undang-undang dan ekonomi selain turut belajar Tasauif mengenai bersih diri daripada hasad dengki, mengumpat dan melaga manusia", katanya.

-- BERNAMA

WM FAZ